

BAB TUJUH

KAWASAN TADAHAN SEKOLAH RENDAH DALAM KAWASAN KAJIAN

7.1 PENGENALAN

Bahagian ini merupakan analisis mengenai kawasan tadahan sekolah rendah dalam kawasan kajian. Berdasarkan piawaian perancangan, sebuah sekolah rendah perlu disediakan bagi setiap 7,500 penduduk selaras dengan konsep kejiranan. Oleh itu, bilangan sekolah rendah yang diperlukan bagi sesebuah kawasan itu diperolehi dengan membahagikan jumlah penduduk kawasan berkenaan dengan 7,500.

Secara reruangnya, kawasan tadahan setiap sekolah rendah dalam kawasan kajian digambarkan dalam rajah-rajah yang disertakan. Liputan kawasan tadahan diperolehi dengan menandakan kediaman setiap murid dari setiap sekolah rendah yang terlibat ke dalam rajah. Bilangan murid dari setiap kawasan kediaman boleh di lihat di dalam Lampiran E. Untuk tujuan analisis, kawasan tadahan diklasifikasikan kepada 3 kategori iaitu kurang daripada 50 orang, 51-100 orang dan lebih daripada 100 orang. Bilangan kategori ini dirasakan memadai supaya rajah tidak kelihatan terlalu padat. Perbezaan kategori ini diwakili dengan garis yang berbeza yang mengarah dari sekolah rendah ke kawasan kediaman murid.

Bagi sekolah rendah yang masih dalam pembinaan, analisis kawasan tadahan hipotetikal dilakukan berdasarkan andaian bahawa sekolah rendah tersebut akan

memberi perkhidmatan kepada kawasan perumahan yang terlibat sahaja. Analisis kawasan tadahan sebenar tidak dilakukan kerana sekolah tersebut belum beroperasi. Dari segi ruang, kawasan tadahan sekolah rendah dalam kawasan kajian adalah dalam lingkungan jejari 10km. dari sekolah rendah.

7.2 ANALISIS KAWASAN TADAHAN SEKOLAH RENDAH

7.2.1 Kawasan tadahan S.K. Kompleks UDA dan S.K. UDA (2)

Kedua-dua buah sekolah ini terletak di dalam kawasan perumahan bandar baru UDA. Kawasan perumahan UDA merupakan kawasan bandar baru seluas 422 hektar dengan 33,518 unit rumah berbagai jenis dan kos.

Kira-kira 80.2 peratus daripada murid yang bersekolah di S.K.Kompleks UDA tinggal di Bandar Baru UDA, diikuti dengan 86.9 peratus dari taman yang sama bersekolah di S.K. UDA (2). Manakala sebahagian lagi (8.6 peratus) merupakan murid-murid yang tinggal di Skudai Kiri dan 6.2 peratus murid dari Kampung Muafakat. Kedua-dua kampung ini merupakan kawasan kampung Melayu tradisional. Kampung Skudai Kiri terletak kira-kira 2 km. dari sekolah tersebut dan dipisahkan dari Bandar Baru UDA oleh jalan negeri dengan 6 lorong. Kampung Muafakat pula terletak kira-kira 2 km. dari sekolah tersebut dan terletak di pinggir sempadan Bandar Baru UDA.

JADUAL 7.1: KAWASAN TADAHAN S.K. KOMPLEKS UDA
DAN S.K. UDA(2)

KAWASAN PERUMAHAN	BILANGAN PENDUDUK	KELUASAN (HEKTAR)
Bandar Baru UDA	33518	422.0
Taman Kempas	3705	96.08
Taman Desa Rahmat	2221	-
Taman Bukit Kempas	11554	-
Kempas Baru	524	195.52
*Taman Perling	37063	2225.5
Skudai Kiri	27289	-
Taman Sri Bahagia	2745	65.5
Taman Kemas	3058	51.2
Kg. Muafakat	1850	-
Rumah Rakyat MARA	1087	-
Jumlah	122240	

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar, MBBJ, 1998
Pejabat Daerah Johor Bahru, 1999.

*Terdapat dua buah sekolah dalam Taman Perling.

Selain daripada dua buah sekolah di kawasan perumahan Bandar Baru UDA, terdapat tiga buah sekolah yang memberi perkhidmatan kepada sekitar kawasan Bandar Baru UDA. Sekolah-sekolah tersebut ialah S.K. Kempas di Kempas Baru, S.K. Pengkalan Rinting dan S.K. Kampung Pasir di Tampoi. Kawasan penempatan di sekitar sekolah rendah ini sebahagian besarnya terdiri daripada perkampungan Melayu, kuarters polis dan polis marin. Manakala Taman Perling pula terletak kira-kira 6 km. dari bandar baru UDA.

Berdasarkan piawaian perancangan, bandar baru UDA memerlukan 4 buah sekolah rendah manakala kawasan tadahan ini memerlukan 16 buah sekolah rendah.

U




SKALA 1 : 10,000


RAJAH 7.1 :
KAWASAN TADAHAN
SEKOLAH KEBANGSAAN
KOMPLEKS UDA

PETUNJUK :

-  SEKOLAH KEBANGSAAN KOMPLEKS UDA
-  JALAN RAYA
-  SEMPAJAN, TAMAN PERUMAHAN/ PERKAMPUNAN
-  KAWASAN TADAHAN MURID 5, 50 ORANG
-  KAWASAN TADAHAN MURID 500 ORANG
-  KAWASAN TADAHAN MURID 2,100 ORANG
-  JARAK JEJARI KAWASAN TADAHAN



Sumber :
 Direktori A - 2, Jilid Benua Siam, Directory 1996
 Kuala Lumpur : Sur Pua, Malaysia Berhad



RAJAH 7.2 :
KAWASAN TADAHAN
SEKOLAH KEBANGSAAN
UDA 2

U
 SKALA 1 : 10,000

PETUNJUK :

- SEKOLAH KEBANGSAAN UDA 2
- JALAN RAYA
- SEMPADAN TAMAN PERUMAHAN/PERKAMPUNGAN
- KAWASAN TADAHAN KURIR
- KAWASAN TADAHAN KURIR 51 - 100 CRANG
- KAWASAN TADAHAN KURIR > 101 CRANG
- JARAK JEJARI KAWASAN TADAHAN

Sumber :
 Dajah, coriade A - 2 Jekir Bahru, Shree Directory 1996
 Kuala Lumpur : Star Pub. Malaysia Berhad

7.2.2 Kawasan tadahan S.K Perumahan Tampoi (1) dan (2), S.K.TamanCempaka dan S.K. SEDC

Ketiga-tiga sekolah rendah ini terletak dalam tiga buah taman dan mempunyai kawasan tadahan yang bertindih. Perumahan Tampoi (1) terletak dalam Taman Melati yang merupakan kawasan perumahan pangsa 17 tingkat. Taman Melati dianggarkan mempunyai penduduk seramai 4,791 orang.

Sebahagian besar (42.3 peratus) murid-murid sekolah S.K. Perumahan Tampoi (1) tinggal di Taman Melor dan diikuti dengan 20.7 peratus dari Taman Melati dan 15.2 peratus dari Taman Kenanga. Kesemua taman ini merupakan penempatan rumah pangsa 17 tingkat. Ketiga-tiga taman ini terletak dalam lingkungan 2km. hingga 4 km.dari sekolah tersebut. Di dalam kawasan tadahan ini terdapat juga sebuah sekolah rendah yang terletak dalam penempatan tradisional di Kempas Baru. S.K. Berdasarkan piawaian perancangan, kawasan tadahan ini memerlukan 5 buah sekolah rendah.

JADUAL 7.2: KAWASAN TADAHAN S.K. PERUMAHAN TAMPOI (1)

KAWASAN PERUMAHAN	BILANGAN PENDUDUK	KELUASAN (HEKTAR)
Taman Melati	4791	37.1
Taman Dahlia	3970	-
Taman Kenanga	4812	45.7
Taman Munsyi Ibrahim	5666	-
Kg. Melayu Sri Rahmat	2805	-
Taman Melor	10918	78.8
Taman Kobena	3042	-
*Permas Jaya	71418	1366.3
Pesiaran Timbalan Setia	-	-
Jumlah	36004	

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar, MBBJ, 1998.

Pejabat Daerah Johor Bahru, 1999.

*Merupakan kawasan tadahan tetapi tidak diambilkira dalam pengiraan keperluan sekolah kerana terletak lebih daripada 10km. dari sekolah. Kawasan ini mempunyai dua buah sekolah rendah.

Manakala S.K.Perumahan Tampoi (2) dan S.K.Taman Cempaka pula terletak dalam Taman Cempaka. Taman Cempaka merupakan kawasan perumahan kos rendah yang terdiri daripada rumah teres dan rumah pangsa 17 tingkat dengan penduduk seramai 11,406 orang.

Kira-kira 28.7 peratus murid-murid yang bersekolah di S.K. Perumahan Tampoi (2) tinggal di Taman Cempaka, diikuti dengan 25.6 peratus tinggal di Taman Bukit Kempas dan 11.6 peratus tinggal di Taman Anggerik. Taman Cempaka terletak dalam lingkungan 2 km dari sekolah, manakala Taman Anggerik dan Taman Bukit Kempas terletak lebih daripada 10 km. dari sekolah tersebut. Buat masa ini, kedua-

dua taman tersebut tidak mempunyai sekolah rendah. Berdasarkan piawaian perancangan, kawasan tadahan ini memerlukan 6 buah sekolah rendah.

Sebahagian besar (36.9 peratus) murid S.K. Taman Cempaka tinggal di Taman Dahlia dan diikuti dengan 34.7 peratus yang tinggal di Taman Cempaka. Kedua-dua taman ini terletak dalam lingkungan 2 km. dari sekolah. Berdasarkan piawaian perancangan, kawasan tadahan ini memerlukan 4 buah sekolah rendah.

JADUAL 7.3 : KAWASAN TADAHAN S.K.PERUMAHAN TAMPOI (2)

KAWASAN PERUMAHAN	BILANGAN PENDUDUK	KELUASAN (HEKTAR)
Taman Cempaka	11406	83.1
Taman Okid	647	21.9
*Taman Bukit Kempas	11554	195.5
Taman Kenanga	4812	45.9
Hospital Permai	-	-
Taman Dahlia	3970	-
Kempas Baru	524	-
Taman Desa Rahmat	2221	-
Taman Kempas	3705	96.1
Taman Kemas	3058	51.2
Jumlah	41894	

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar, MBBJ, 1998.
Pejabat Daerah Johor Bahru, 1999.

*Terdapat sebuah sekolah rendah dalam pembinaan.




SKALA 1 : 10,000

RAJAH 7.3 :
KAWASAN TADAHAN
SEKOLAH KEBANGSAAN
PERUMAHAN TAMPOI 1

PETUNJUK :

- SEKOLAH KEBANGSAAN PERUMAHAN TAMPOI 1
- JALAN BAWA
- SEMPADAN TAMAN PERUMAHAN/ PERKAMPUNGAN
- KAWASAN TADAHAN MURID
- KAWASAN TADAHAN MURID 51 - 100 ORANG
- KAWASAN TADAHAN MURID 2 - 101 ORANG
- ☉ JARAK JELARI
- ☉ KAWASAN TADAHAN




Sumber :
Dewan Daerah A - 2, Jlnn Borneo Street, Directory 1996
Kuala Lumpur : Star Pub, Malaysia Berhad



RAJAH 7.4 :
KAWASAN TADAHAN
SEKOLAH KEBANGSAAN
PERUMAHAN TAMPOI 2

PETUNJUK :

- SEKOLAH KEBANGSAAN PERUMAHAN TAMPOI 2
- JALAN RATA
- SEMPADAN TAMAN PERUMAHAN/PERKAMPUNAN
- KAWASAN TADAHAN MURID 5' - 100 ORANG
- KAWASAN TADAHAN MURID 2, 101 ORANG
- JARAK JELAJAH
- KAWASAN TADAHAN



Sumber :
 Design daripada A - 2 Joroh Barua Street Directory 1996
 Kuala Lumpur : Star Pict. Malaysia Berhad

JADUAL 7.4: KAWASAN TADAHAN S.K. TAMAN CEMPAKA

KAWASAN PERUMAHAN	BILANGAN PENDUDUK	KELUASAN (HEKTAR)
Taman Dahlia	3970	-
Taman Cempaka	11406	83.1
Taman Melor	10918	78.8
Taman Munsyi Ibrahim	5666	-
*Permas Jaya	71418	1366.3
Jumlah	31960	

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar, MBBB, 1998.

Pejabat Daerah Johor Bahru, 1999.

*Merupakan kawasan tadahan tetapi tidak diambil kira dalam pengiraan keperluan sekolah kerana terletak lebih daripada 10km. dari sekolah. Kawasan ini juga mempunyai dua buah sekolah rendah.

S.K. SEDC terletak dalam Taman Kenanga yang merupakan kawasan perumahan pangsa 17 tingkat dengan penduduk seramai 4812. Kira-kira 39.3 peratus murid yang bersekolah di S.K.SEDC tinggal di Taman Kenanga, diikuti dengan 19.3 peratus dari kuarters Hospital Permai dan 16.5 peratus dari Kempas Baru. Kempas Baru merupakan sebuah penempatan kampung Melayu.


Berdasarkan piawaian, Taman Kenanga tidak memerlukan sekolah rendah kerana penduduknya kurang daripada 7,500 bagi membolehkan sebuah sekolah rendah disediakan. Walau bagaimanapun, kawasan tadahan ini memerlukan 5 buah sekolah rendah.



**RAJAH 7.5 :
KAWASAN TADAHAN
SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN CEMPAKA**

PETUNJUK :

- SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN CEMPAKA
- JALAN RAYA
- SEWADAN, TAMAN PERUMAHAN/
PERKAMPUNGAN
- KAWASAN TADAHAN MURID
4 & 50 DRANG
- KAWASAN TADAHAN MURID
51 & 100 DRANG
- KAWASAN TADAHAN MURID
2 & 101 DRANG
- ⊙ JARUK JEJARI
KAWASAN TADAHAN




Sumber : Rajah A - 7, Johor Bahru, School Directory, 1996
Kuala Lumpur : Star Pub. Malaysia School



RAJAH 7.6 :
KAWASAN TADAHAN
SEKOLAH KEBANGSAAN
PERUMAHAN S.E.D.C.

PETUNJUK :

- SEKOLAH KEBANGSAAN PERUMAHAN S.E.D.C.
- JALAN RAYA
- SEMPADAN TAMAN PERUMAHAN/PERKAMPUNGAN
- KAWASAN TADAHAN MURID S 50 DRANG
- KAWASAN TADAHAN MURID S 100 DRANG
- KAWASAN TADAHAN MURID S 101 DRANG
- ⊙ LARSAK JEJARI
- ⊙ KAWASAN TADAHAN



Sumber :
 Skema zonasi A - 7, Jln. Bahru, Sheet Directory 1998
 Kuala Lumpur : Sur. Tab. Malaysia Berhad

JADUAL 7.5: KAWASAN TADAHAN S.K. SEDC

KAWASAN PERUMAHAN	BILANGAN PENDUDUK	KELUASAN (HEKTAR)
Hospital Permai	-	-
Taman Kenanga	4812	45.7
Taman Munsyi Ibrahim	5666	-
Kg. Desa Rahmat	392	-
Taman Kemas	3058	51.2
Taman Cempaka	11406	83.1
Rumah Rakyat SEDC	205	-
Taman Melor	10918	78.8
*Taman Desa Jaya	-	-
Kempas Baru	524	-
Kampung Pasir	-	-
Jumlah	36981	

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar, MBBJ, 1998.
Pejabat Daerah Johor Bahru, 1999.

*Kawasan ini terletak di bawah pentadbiran Majlis Daerah Johor Bahru Tengah. Merupakan kawasan tadahan tetapi tidak diambil kira dalam pengiraan keperluan sekolah kerana terletak lebih daripada 10km. dari sekolah. Kawasan ini juga mempunyai sebuah sekolah rendah.

7.2.3 Kawasan tadahan S.K.Rinting (1) dan (2)

S.K. Rinting (1) dan (2) terletak dalam kawasan perumahan Taman Rinting. Kira-kira 69.8 peratus murid S.K.Rinting (1) tinggal di Taman Rinting, diikuti dengan 12.7 peratus murid tinggal di Sungai Rinting (B) dan selebihnya di Kampung Pasir Gudang. Sungai Rinting (B) dan Kampung Pasir Gudang merupakan kawasan setinggan. Kedua-dua kampung ini terletak kira-kira 6 km. dari sekolah tersebut.

Sebahagian besar (46.1 peratus) murid S.K.Rinting (2) pula, tinggal di Taman Megah Ria, 28.0 peratus tinggal di Taman Kota Puteri dan 24.8 peratus tinggal di Taman Rinting. Taman Megah Ria terletak kira-kira 6 km. dari sekolah tersebut dan Taman Kota Puteri terletak lebih daripada 8 km. dari sekolah. Terdapat juga sebuah sekolah rendah di dalam kawasan tadahan yang sama iaitu S.K.Masai.

Berdasarkan piawaian perancangan, Taman Rinting memerlukan 5 buah sekolah rendah. Manakala kawasan tadahan ini memerlukan 20 buah sekolah rendah.

JADUAL 7.6: KAWASAN TADAHAN S.K. TAMAN RINTING (1) DAN (2)

KAWASAN PERUMAHAN	BILANGAN PENDUDUK	KELUASAN (HEKTAR)
Taman Rinting	36189	-
Kampung Sungai Rinting (B)	-	-
Kampung Sungai Rinting (C)	-	-
Kampung Sungai Rinting (D)	-	-
*Kampung Kuala Masai	16711	-
*Kampung Pasir Gudang	9450	-
**Taman Kota Puteri	90869	-
Taman Megah Ria	-	-
Jumlah	153219	

Sumber: Jabatan Perancang Bandar, MBB, 1998.

Pejabat Daerah Johor Bahru, 1999.

*Kawasan ini terletak di luar kawasan kajian iaitu dalam pentadbiran Majlis Daerah Johor Bahru Tengah.

**Terdapat sebuah sekolah rendah dalam pembinaan.

U




SKALA 1 : 10,000

**RAJAH 7.7 :
KAWASAN TADAHAN
SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN RINTING 1**

PETUNJUK :

- SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN RINTING 1
- JALAN RAYA
- SEMPADAN TAMAN PERUMAHAN/
PERKAMPUNGAN
- KAWASAN TALAHAN MURID
\$ 50 ORANG
- KAWASAN TADAHAN MURID
\$ 100 ORANG
- KAWASAN TADAHAN MURID
\$ 101 ORANG
- JARAK JELAJAR
KAWASAN TADAHAN



Sumber :
Dokumen Projek A - 2, Jalan Bina, Street, December 1996
Kuala Lumpur : Star Pub. Malaysia Berhad




SKALA 1 : 10,000

**RAJAH 78 :
KAWASAN TADAHAN
SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN RINTING 2**

PETUNJUK :

- SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN RINTING 2
- JALAN RAYA
- SEMPAJAN TAMAN PERUMAHAN/
PERKAMPUNAN
- KAWASAN TADAHAN WURID
S 50 BRAND
- KAWASAN TADAHAN WURID
KAWASAN TADAHAN WURID
2 10T ORANG
- ⊙ JARAK JEJARI
KAWASAN TADAHAN



Sumber :
Dewan Bandar 4 - 2, Jalan Baru Street District 1596
Kuala Lumpur : Star Pub. Malaysia Berhad

7.2.4 Kawasan tadahan S.K. Sri Tebrau

S.K.Sri Tebrau terletak dalam kawasan perumahan Taman Sentosa. Kira-kira 26.8 peratus murid S.K.Sri Tebrau tinggal di Taman Sri Tebrau diikuti dengan 20.5 peratus murid dari Taman Sentosa dan 8.2 peratus dari taman-taman berhampiran seperti Taman Abad, Taman Iskandar dan Taman Pelangi. Taman Sri Tebrau terletak dalam lingkungan 1-4 km. dari sekolah, manakala Taman Abad, Taman Pelangi dan Taman Iskandar terletak dalam lingkungan 2-6 km. dari S.K.Sri Tebrau.

JADUAL 7.7: KAWASAN TADAHAN S.K. SRI TEBRAU

KAWASAN PERUMAHAN	BILANGAN PENDUDUK	KELUASAN (HEKTAR)
Taman Sentosa	9130	225.5
Taman Sri Tebrau	10791	140.0
Taman Century	9196	142.0
Taman Iskandar	5851	156.4
Kampung Bakar Batu	6840	-
Pasir Pelangi	-	-
Taman Majidee	1325	54.3
Taman Melodies	-	-
Taman Pelangi	21582	419.9
Stulang Darat	9810	-
*Permas Jaya	71418	1366.3
*Taman Johor Jaya	23421	-
Jumlah	74525	

Sumber: Jabatan Perancang, MBJB,1998.

Pejabat Daerah Johor Bahru,1999.


*Merupakan kawasan tadahan tetapi tidak diambilkira dalam pengiraan keperluan sekolah kerana terletak lebih daripada 10km. dari sekolah. Permas Jaya dan Taman Johor Jaya masing-masing mempunyai dua buah sekolah rendah.



RAJAH 7.9 :
KAWASAN TADAHAN
SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN SRI TEBRAU

PETUNJUK

-  SEKOLAH KEBANGSAAN
-  TAMAN SRI TEBRAU
-  JALAN RAYA
-  SEMPADAN TAMAN PERUMAHAN/PERKAMPUNGAN
-  KAWASAN TADAHAN MURID < 50 ORANG
-  KAWASAN TADAHAN MURID 51 - 100 ORANG
-  KAWASAN TADAHAN MURID > 101 ORANG
-  JARAK JEJARI
-  KAWASAN TADAHAN



Sumber : Rajasas A - 2, Jalan Bukit, Chow Directory 1988
 Mapo Lumpur, Sri P. B., Mapographic Board

Terdapat juga dua sekolah rendah dalam kawasan tadahan ini iaitu S.K. Tebrau Bakar Batu yang terletak dalam kampung Melayu tradisional iaitu Kg. Bakar Batu dan S.K. Taman Pelangi dalam kawasan perumahan Taman Pelangi.

Berdasarkan piawaian perancangan, Taman Sentosa hanya memerlukan sebuah sekolah rendah sahaja. Manakala keseluruhan kawasan tadahan memerlukan 10 buah sekolah rendah.

7.2.4 Kawasan tadahan S.K. Taman Pelangi

S.K. Taman Pelangi terletak dalam kawasan perumahan Taman Pelangi. Kira-kira separuh (50.3 peratus) daripada murid S.K. Taman Pelangi tinggal di Taman Pelangi, diikuti dengan 34.4 peratus murid yang tinggal di kuarters polis di Majidee. Kuarters polis tersebut terletak kira-kira 6 km. dari sekolah tersebut.


Terdapat sebuah sekolah rendah dalam kawasan tadahan ini iaitu S.K. Sri Tebrau di dalam Taman Sentosa. Berdasarkan piawaian perancangan, Taman Pelangi memerlukan 3 buah sekolah rendah. Manakala, kawasan tadahan ini memerlukan 6 buah sekolah rendah.



RAJAH 7.10 :
KAWASAN TADAHAN
SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN PELANGI

PETUNJUK :

- SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN PELANGI
- JALAN RAYA
- SEMPATAN TAMAN PERUMAHAN/PERKAMPUNGAN
- KAWASAN TADAHAN MURID 5' 30' ORANG
- KAWASAN TADAHAN MURID 5' 15' ORANG
- KAWASAN TADAHAN MURID 2' 10' ORANG
- ⊙ JARAK JEJAK KAWASAN TADAHAN



Sumber :
 Dokumen A - 2, Jalan Batin, Street Directory, 1998
 Kuala Lumpur : Sur. Pub. Malaya Berhad

JADUAL 7.8: KAWASAN TADAHAN S.K. TAMAN PELANGI

KAWASAN PERUMAHAN	BILANGAN PENDUDUK	KELUASAN (HEKTAR)
Taman Pelangi	21582	419.9
Polis Depot	-	-
Kem Majidee	-	-
Stulang Darat	9810	-
Taman Sri Tebrau	10791	140.0
Stulang Laut	-	-
Jumlah	42183	

Sumber: Jabatan Perancang, MBBJ, 1998.
Pejabat Daerah Johor Bahru, 1999.

7.2.6 Kawasan tadahan S.K. Permas Jaya (1) dan (2)

S.K.Permas Jaya (1) dan (2) terletak dalam Bandar Permas Jaya. Bandar Permas Jaya seluas 1366.3 hektar merupakan sebuah bandar baru dengan penduduk seramai 71418 orang. S.K. Permas Jaya (1) dan (2) mempunyai kawasan yang bertindih. Lebih separuh murid (52.4 peratus) yang bersekolah di S.K.Permas Jaya (1) tinggal di Bandar Permas Jaya. Manakala 23.2 peratus tinggal di Kg.Plentong Baru dan 12.2 peratus tinggal di Taman Plentong Baru.

Manakala 36.8 peratus murid yang bersekolah di S.K.Permas Jaya (2) tinggal di Bandar Permas Jaya, diikuti dengan 18.1 peratus dan 18.5 peratus masing-masing dari Taman Saujana dan Plentong Tengah. Manakala 11.1 peratus murid S.K.Permas Jaya (2) tinggal di Kampung Plentong Baru. Kampung Plentong Baru dan Plentong Tengah merupakan sebuah penempatan setinggian. Taman Saujana dan Kampung Plentong Baru terletak dalam lingkungan 4 km.hingga 6 km. dari sekolah tersebut.

Terdapat sebuah sekolah rendah dalam kawasan tadahan ini iaitu S.K. Senibong. Berdasarkan piawaian perancangan, Bandar Permas Jaya memerlukan 10 buah sekolah rendah. Kawasan tadahan bagi S.K. Permas Jaya (1) memerlukan 11 buah sekolah rendah manakala kawasan tadahan bagi S.K. Permas Jaya (2) pula memerlukan 16 buah sekolah rendah.

JADUAL 7.9: KAWASAN TADAHAN S.K. PERMAS JAYA (1)

KAWASAN PERUMAHAN	BILANGAN PENDUDUK	KELUASAN (HEKTAR)
Permas Jaya	71418	1366.3
*Kg. Plentong Baru	4250	-
*Taman Plentong Baru	3180	-
Taman Saujana	4410	159.7
*Rumah Awam Plentong	-	-
*Taman Sri Plentong	-	-
*Taman Ria Plentong	-	-
Jumlah	83258	

Sumber: Jabatan Perancang, MBJB, 1998.
Pejabat Daerah Johor Bahru, 1999.


* Kawasan ini terletak di luar kawasan kajian iaitu dalam pentadbiran Majlis Daerah Johor Bahru Tengah.



**RAJAH 7.11 :
KAWASAN TADAHAN
SEKOLAH KEBANGSAAN
PERMAS JAYA 1**

PETUNJUK :

-  SEKOLAH KEBANGSAAN PERMAS JAYA 1
-  JALAN RAYA
-  BERTUDAS, TAMAN PERUMAHAN/PERKAMPUNGAN
-  KAWASAN TADAHAN MURID 5 - 50 ORANG
-  KAWASAN TADAHAN MURID 51 - 100 ORANG
-  KAWASAN TADAHAN MURID 2 - 101 ORANG
-  JABAK AJEJARI
-  KAWASAN TADAHAN



Sumber :
Buletin Jajir, 1, Jlna Baru, Sheet Erecting 1995
Muzi Luray, 300 Pds, Wapac Bentu




SKALA 1 : 10,000

**RAJAH 7.12 :
KAWASAN TADAHAN
SEKOLAH KEBANGSAAN
PERMAS JAYA 2**

PETUNJUK:

-  SEKOLAH KEBANGSAAN PERMAS JAYA 2
-  JALAN RAYA
-  SEPADAN TAMAN PERUMAHAN/PERKAMPUNGAN
-  KAWASAN TADAHAN MURID 5-50 ORANG
-  KAWASAN TADAHAN MURID 50-100 ORANG
-  KAWASAN TADAHAN MURID 200-1000 ORANG
-  JARAK JEJARI KAWASAN TADAHAN



Sumber :
Dewan Perancangan A. - 2, Jalan Bharu, Street Directory 1985
Kuala Lumpur : Sur. Piz. Malaysia Binas

JADUAL 7.10: KAWASAN TADAHAN S.K. PERMAS JAYA (2)

KAWASAN PERUMAHAN	BILANGAN PENDUDUK	KELUASAN (HEKTAR)
Permas Jaya	71418	1366.3
*Kg. Plentong Baru	4250	-
*Taman Plentong Baru	3180	-
Taman Saujana	4410	159.7
*Taman Sri Plentong	-	-
*Taman Desa Harmoni	2910	-
***Taman Molek	31222	501.4
*Plentong Tengah	-	-
**Taman Suria	12153	407.8
**Taman Sri Bahagia	2745	-
Taman Tun Sambantan	3551	155.6
*Kg. Sri Tasik	-	-
Jumlah	120941	

Sumber: Jabatan Perancang, MBJB, 1998.

Pejabat Daerah Johor Bahru, 1999.

*Kawasan ini terletak di luar kawasan kajian iaitu dalam pentadbiran Majlis Daerah Johor Bahru Tengah.

** Merupakan kawasan tadahan tetapi tidak diambil kira dalam pengiraan keperluan sekolah kerana terletak lebih daripada 10km. dari S.K. Permas Jaya (1) dan (2). Taman Suria mempunyai sebuah sekolah rendah.

***Terdapat sebuah sekolah rendah dalam pembinaan.

7.2.7 Kawasan tadahan S.K. Taman Sri Amar

S.K. Taman Sri Amar terletak dalam Taman Sri Amar yang mempunyai penduduk seramai 657 orang dengan keluasan 11.6 hektar. Lebih daripada separuh (53.5 peratus) murid yang bersekolah di S.K. Taman Sri Amar tinggal di Kampung Melayu Pandan. Manakala 8.1 peratus murid tinggal di Taman Sri Amar dan 7.7 peratus murid tinggal di Taman Sri Pandan. Kampung Melayu Pandan merupakan

penempatan kampung tradisional yang terletak kira-kira 2 km.hingga 4 km. dan dipisahkan dari Taman Sri Amar oleh jalan persekutuan dengan 6 lorong. Taman Sri Pandan pula terletak dalam lingkungan 2km. dari sekolah tersebut.

Terdapat tiga buah sekolah rendah dalam kawasan tadahan ini iaitu S.K. Mohd. Khir Johari yang terletak di Kampung Majidee, S.K. Majidee Baru di Kg. Majidee Baru dan S.K. Kangkar Tebrau di Kangkar Tebrau. Kesemua sekolah ini terletak di kawasan penempatan kampung Melayu.

JADUAL 7.11: KAWASAN TADAHAN S.K. TAMAN SRI AMAR

KAWASAN PERUMAHAN	BILANGAN PENDUDUK	KELUASAN (HEKTAR)
Taman Sri Amar	657	11.6
Taman Sri Pandan	1723	18.0
Kg. Melayu Pandan	10050	-
Kg. Bendahara	7750	-
Kg. Kangkar Tebrau	3115	-
*Taman Molek	31222	501.4
Kg. Sri Purnama	1100	-
Kg. Ubi Baru	710	-
Majidee Baru	-	-
Jumlah	33602	

Sumber: Jabatan Perancang, MBJB,1998.
Pejabat Daerah Johor Bahru,1999.

*Terdapat sebuah sekolah rendah dalam pembinaan.

Berdasarkan piawaian perancangan, kawasan tadahan ini memerlukan 5 buah sekolah rendah.




SKALA 1 : 10,000

RAJAH 7.13 : KAWASAN TADAHAN SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN SRI AMAR

PETUNJUK :

-  SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN SRI AMAR
-  JALAN RAYA
-  BENDAPAN TAMAN PERUMAHAN/SEKOLAH TAMAN PERUMAHAN
-  KAWASAN TADAHAN MURID < 50 ORANG
-  KAWASAN TADAHAN MURID 51 - 100 ORANG
-  KAWASAN TADAHAN MURID > 101 ORANG
-  JARAK JEJARI KAWASAN TADAHAN



Sumber :
Dokh. Zonasi A - 2, Jalan Batu Street, Dindang, 1988
Kuala Lumpur : Sur. Peta Malaysia Berhad

7.2.8 Kawasan tadahan S.K. Taman Daya

S.K. Taman Daya terletak dalam kawasan perumahan Taman Daya yang mempunyai penduduk seramai 7748 orang. S.K. Taman Daya terletak dalam kawasan perumahan Taman Daya yang mempunyai penduduk seramai 7748 orang. Kira-kira 74 peratus daripada murid yang bersekolah di S.K.Taman Daya tinggal di Taman Daya, diikuti dengan 10.4 peratus yang tinggal di Kampung Melayu Pandan dan Taman Delima.

Taman Delima terletak dalam lingkungan 2 km. dari S.K.Taman Daya manakala Kampung Melayu Pandan terletak kira-kira 6 km. dari sekolah tersebut. Tidak terdapat sekolah rendah dalam kawasan tadahan ini. Berdasarkan piawaian, kawasan tadahan ini memerlukan 2 buah sekolah rendah.

JADUAL 7.12: KAWASAN TADAHAN S.K. TAMAN DAYA

KAWASAN PERUMAHAN	BILANGAN PENDUDUK	KELUASAN (HEKTAR)
Taman Daya	7748	-
Kg. Melayu Pandan	10050	-
Taman Istimewa	1590	5.06
Taman Delima	4812	151.6
Kangkar Tebrau	3115	-
Jumlah	14150	








Sumber: Jabatan Perancang, MBB, 1998.
Pejabat Daerah Johor Bahru, 1999.




SKALA 1:10,000

RAJAH 7.14 : KAWASAN TADAHAN SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN DAYA

PETUNJUK :

-  SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN DAYA
-  JALAN BAYU
-  SEPULUH TAMAN PERUMAHAN/ KAWASAN TADAHAN
-  KAWASAN TADAHAN MURID 5-30 ORANG
-  KAWASAN TADAHAN MURID 51 - 100 ORANG
-  KAWASAN TADAHAN MURID > 101 ORANG
-  JARAK JEJARI KAWASAN TADAHAN



Sumber :
Guaan Jorjoda, No. 2, Jalan Bahr, Street Directory 1998
Pusat Literatur, Sur. Pas. Wilayah Persekutuan

7.2.9 Kawasan tadahan S.K. Taman Suria

S.K. Taman Suria terletak dalam kawasan perumahan Taman Suria yang mempunyai penduduk seramai 12153 orang. Kira-kira 26.6 peratus murid S.K. Taman Suria tinggal di Kampung Stulang Baru, diikuti dengan 22.2 peratus murid tinggal Kampung Majidee dan 14.1 peratus murid tinggal di Kampung Kurnia. Kedua-dua kampung ini adalah kampung Melayu tradisional yang terletak dalam lingkungan 4 km. hingga 6 km. dari S.K.Taman Suria.

JADUAL 7.13: KAWASAN TADAHAN S.K. TAMAN SURIA

KAWASAN PERUMAHAN	BILANGAN PENDUDUK	KELUASAN (HEKTAR)
Kg. Dato Sulaiman Menteri	11714	-
Taman Suria	12153	407.8
Kg. Majidee	-	-
Taman PKEINJ	774	-
Kg. Kurnia	1630	-
Kg. Stulang Baru	2200	-
Kg. Larkin Jaya	-	-
Taman Kebun Teh	2700	-
Jumlah	31171	

Sumber: Jabatan Perancang, MBBJ, 1990.
Pejabat Daerah Johor Bahru, 1999.

Terdapat dua buah sekolah dalam kawasan tadahan ini iaitu S.K. Mohd. Khir yang terletak di Kg. Majidee dan S.K. Majidee Baru di Majidee Baru yang merupakan kawasan penempatan kampung Melayu. Berdasarkan piawaian perancangan,




SKALA 1 : 10,000

RAJAH 7.15 :
KAWASAN TADAHAN
SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN SURIA

PETUNJUK:

- SEKOLAH KEBANGSAAN
- ▬ TAMAN SURIA
- ▬ JALAN RAYA
- ▬ SEBUTAN TAMAN PERUMAHAN/
PERKAMPUNAN
- ▬ KAWASAN TADAHAN MURID
- ▬ S 50 ORANG
- ▬ KAWASAN TADAHAN MURID
- ▬ 51 - 100 ORANG
- ▬ KAWASAN TADAHAN MURID
- ▬ > 101 ORANG
- ⊙ JARAK JEJARI
- ⊙ KAWASAN TADAHAN



Sumber :
 Skema corak A - 2, Joho Baru Sheet Directory 1946
 Rajah Lantai, Skema Maping Berhad

kawasan perumahan Taman Suria memerlukan 2 buah sekolah rendah. Manakala kawasan tadahan ini memerlukan 4 buah sekolah rendah.

7.3 KAWASAN TADAHAN BAGI SEKOLAH RENDAH DALAM PEMBINAAN

Daripada 8 buah sekolah yang sedang dalam pembinaan, terdapat dua buah sekolah rendah yang dijangkakan akan memberikan perkhidmatan kepada kawasan tadahan yang kecil dengan penduduk seramai 3,000-5,000 penduduk. Manakala sekolah rendah yang lainnya akan mempunyai kawasan tadahan melebihi 7,500 penduduk. Berdasarkan piawaian perancangan, 6 buah taman perumahan memerlukan lebih daripada sebuah sekolah rendah.

Jadual 7.14 menggambarkan taburan dan bilangan sekolah rendah yang tidak seimbang dengan bilangan penduduk dalam taman perumahan. Keadaan ini menunjukkan berlakunya ketidakcukupan sekolah rendah di taman-taman perumahan. Bilangan sekolah rendah yang sedang beroperasi tidak mencukupi untuk menampung jumlah penduduk yang ramai di beberapa buah taman perumahan. Ini merupakan antara faktor yang menyebabkan sekolah rendah terpaksa menampung enrolmen murid yang tinggi dan ini telah mengakibatkan kesesakan kelas di sekolah rendah.

JADUAL 7.14: KAWASAN TADAHAN HIPOTETIKAL SEKOLAH RENDAH DAN BILANGAN SEKOLAH YANG DIPERLUKAN MENGIKUT PIAWAIAN PERANCANGAN

TAMAN PERUMAHAN	BILANGAN PENDUDUK	BILANGAN SEKOLAH SEDANG BEROPERASI	BILANGAN SEKOLAH DALAM PEMBINAAN	BILANGAN RIZAB TAPAK	BILANGAN SEKOLAH YANG DIPERLUKAN	*JUMLAH SEKOLAH
Taman Molek	31222	-	1	-	3	4
Taman Bukit Kempas	11554	-	1	-	1	2
Taman Bukit Mewah	9853	-	1	-	-	1
Taman Anggerik	5364	-	1	-	-	1
Taman Sri Kota Puteri	90869	-	1	1	10	12
Taman Daya	41064	1	1	1	2	5
Taman Permas Jaya	71418	2	2	2	4	10
Bandar Baru UDA	33518	2	-	1	1	4

* Dengan menggunakan piawaian iaitu sebuah sekolah rendah bagi 7,500 penduduk.

7.4 ULASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MENGENAI KAWASAN TADAHAN SEKOLAH RENDAH

Ulasan mengenai kawasan tadahan sekolah rendah lazimnya dikaitkan dengan taburan sekolah rendah yang tidak sekata atau seimbang dengan penduduk dalam taman perumahan yang dicadangkan. Berdasarkan siasatan ke atas fail-fail, terdapat dua kes melibatkan taburan rizab tapak sekolah rendah yang tidak sekata dengan bilangan unit kediaman dalam pelan susunatur berkenaan. Pihak berkuasa perancangan mengesyorkan supaya pihak pemaju menambah bilangan rizab tapak sekolah rendah berdasarkan piawaian iaitu sebuah rizab tapak sekolah rendah bagi setiap 7,500 penduduk. Ini adalah untuk memastikan bilangan sekolah rendah yang

mencukupi bagi menampung keperluan penduduk yang dijangkakan akan menempati kawasan perumahan kelak.

7.5 RUMUSAN

Sekolah rendah dalam kawasan kajian bukan sahaja memberikan perkhidmatan kepada taman-taman perumahan tetapi juga ke kawasan perumahan sekitarnya walaupun kawasan ini mempunyai sekolah rendah. Dari segi ruwang, liputan kawasan tadahan adalah dalam lingkungan jejari 10km. dari sekolah rendah. Piawaian perancangan memperuntukan bahawa sebuah sekolah rendah menampung perkhidmatan kepada 7,500 penduduk selaras dengan konsep kejiranan. Hasil analisis menunjukkan taburan dan bilangan sekolah rendah dalam taman perumahan adalah tidak seimbang dengan bilangan penduduk taman perumahan. Keadaan ini menggambarkan ketidakcukupan sekolah rendah untuk menampung penduduk dalam taman perumahan. Ketidakcukupan sekolah rendah juga mengakibatkan enrolmen murid yang tinggi dan kesesakan kelas di beberapa sekolah rendah dalam taman perumahan.

Bahagian seterusnya akan menghuraikan mengenai kriteria piawaian yang ketiga iaitu keluasan tapak sekolah rendah.